

## ABSTRAK

Kajian ini meneliti pembangunan diskursif tentang perubahan ideologi dan identiti dalam amalan oleh sesuatu kawalan organisasi dalam perubahan pengurusan organisasi. Fokus kajian ini adalah untuk mengenal pasti bagaimana organisasi itu secara meluasnya menstruktur semula proses untuk melaksanakan kesesuaian inisiatif perubahan organisasi dan melihat kesan perubahan itu dikalangan ahli-ahli organisasi. Menstruktur semula didefinisikan sebagai satu proses untuk mengorganisasi dan membentuk proses-proses kerja dan fungsi-fungsi jawatan untuk membawa kepada perubahan yang penting dalam prestasi. Fokus organisasi adalah untuk merubah pemikiran dan memujuk ahli-ahli untuk menerima ciri-ciri, sifat-sifat, sikap dan tingkahlaku yang dijangkakan menguntungkan syarikat. Pihak pengurusan organisasi cuba untuk mengembalikan ahli-ahli organisasi melalui corak pemikiran mereka dan menerima perubahan. Amalan kepada tindakan pengurusan untuk membangunkan identiti ahli yang sesuai secara tertutup memperlihatkan cara kawalan organisasi. Kawalan adalah fungsi organisasi pusat. Ianya adalah kaedah yang mana aktiviti-aktiviti dan sumber dikoordinasikan dan diarah menjurus kepada tercapainya impian sesuatu organisasi.

Kajian ini mengkaji kawalan organisasi ini dari kanta ideologi dan pembangunan identiti di dalam wacana sesebuah institusi yang melalui perubahan organisasi. Objektif kajian ini adalah untuk menemui bagaimana wacana perubahan digunakan sebagai objek realiti pembangunan diskursif di dalam mencipta identiti ahli yang

‘ideal’ dan perubahan set minda, strategi-strategi yang digunakan untuk dicapai dan bagaimana ini memanfaatkan objektif kawalan organisasi. Kerangka teori untuk kajian ini terdiri daripada teori-teori identiti dan ideologi di dalam wacana, teori-teori kuasa dan bahasa seperti yang terkandung di dalam bidang analisis kritikal wacana.

Data terdiri daripada 9 transkrip ‘Sesi Berkongsi’ (Sharing Session), sepuluh artikel daripada newsletter dan memo daripada Jabatan Sumber Manusia organisasi ini. Kaedah analisis yang digunakan ialah analisis kritikal wacana yang akan mengambil kira analisis teks dan konteks. Kerangka analisis untuk analisis teks menunjukkan bagaimana identity dan pembangunan ideology diletakkan dan dianalisis di dalam teks menurut analisis orientasi nahu, penggunaan strategi retorik, antara teks dan orientasi analisis aksi.

Analisis menunjukkan wacana perubahan adalah sesuai untuk merubah set minda dan memujuk ahli untuk menerima ciri-ciri, sifat-sifat, sikap dan tingkahlaku yang dijangkakan menguntungkan organisasi. Penemuan menunjukkan bagaimana wacana membina ideologi yang dicirikan dan identiti ahli yang dikatakan ‘ideal’. Penemuan juga menunjukkan yang pemberitahuan secara terbuka terhadap perubahan set minda dan identiti ahli yang ‘ideal’ ini adalah satu cara bagaimana organisasi menanam disiplin diri atau kesetiaan menjadi ahli di mana ahli-ahli adalah dipengaruhi untuk mengadaptasi inisiatif perubahan pengurusan yang telah dimaktub oleh pihak pengurusan.

Pembangunan perubahan ideologi dan identiti ahli yang ideal melibatkan penggunaan pelbagai sumber linguistik dan strategi wacana secara halus dan berketrampilan. Penggunaan strategi-strategi wacana ini memaksa ahli-ahli untuk menerima apa yang dikongsi pada ‘Sesi Berkongsi’ dan begitu juga artikel-artikel dan memo-memo yang diedarkan. Ahli-ahli akan terpengaruh untuk mengadaptasi dan menerima perubahan dan mengambil apa yang perlu dan sesuai melalui wacana tersebut.